

● MAHANI ISHAK | BERITA HARIA



MURID Stamford American International School mencuba permainan tradisional 'tarik upih' pada Program Pertukaran Budaya di SK Sri Pulai Perdana, Johor Bahru.

Pelajar, guru kongsi budaya, pengalaman

SKUDAI: Seramai 80 murid dan 10 guru Stamford American International School (SAIS) dari Singapura mengikuti program pertukaran budaya ke Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Pulai Perdana, dekat sini bagi memberi pengalaman baru dan mengenali kebudayaan.

Program itu juga bertujuan memperluaskan jaringan kokurikulum pendidikan kedua-dua sekolah itu, selain membolehkan mereka bertukar pandangan dalam pelbagai isu berkaitan pendidikan.

Guru Besar SK Sri Pulai Perdana, Jaafar Warmat, berkata program itu dijalankan menerusi kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kulaijaya dengan Pulai Springs Resort yang memilih sekolah berkenaan bagi mengendalikan agenda pertukaran budaya.

"Sekolah ini baru dibuka secara rasmi pada 3 Januari lalu dan kunjungan delegasi SAIS itu kami mem-

bolehkan kami mempromosikan budaya tempatan, selain berkongsi pengalaman menarik mengenai corak pendidikan masing-masing.

"Menerusi pemerhatian, murid yang menyertai program dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran meskipun sudah sehati dengan sistem persekolahan di Singapura dan tidak janggal bermain permainan tradisional seperti kanak-kanak di sekolah ini," katanya.

Jaafar berkata, program pertukaran pelajar itu membabitkan kira-kira 150 murid tahun empat dan lima dan mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi menjalankan kegiatan dan permainan seperti tarik upih, congkak dan sepak takraw.

Sementara itu, Pengarah SAIS, Tamera Shreve, menyifatkan kunjungan itu sebagai perkongsian budaya dan memberi pengalaman baru kepada pelajarnya apabila ber-

peluang mengikuti sesi pembelajaran di bilik darjah selain menyertai permainan tradisional Melayu.

"Pada awalnya, murid kelihatan agak janggal kerana tidak pernah bermain dengan bahan seperti upih pinang, guli atau congkak tetapi hasil pergaulan mereka mudah belajar dan menguasai pertandingan dengan baik," katanya.

Selain itu, Shreve mengakui wujudnya jurang kebudayaan yang perlu dirapatkan bagi menjamin kelestarian pendidikan sejagat, selain perlu mencari kaedah baru bagi menarik minat murid menguasai bahasa Inggeris termasuk menggunakannya sebagai perantaraan perbualan.

Bagi murid SAIS, Jeni Ardiq Baykoca, 11, yang berasal dari Turki, kunjungan pertama ke Malaysia menjadi satu pengalaman yang berharga dalam mengenali budaya masyarakat negara ini.